

01 APR 2002

Mahathir-Keganasan/I

KEGANASAN: DR MAHATHIR MAHU TAKRIF GLOBAL DAN TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru masyarakat dunia supaya mencapai persetujuan antarabangsa mengenai apa sebenarnya keganasan dan bertindak secara kolektif terhadap mereka yang mencetuskannya.

Perdana Menteri berkata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) merupakan gelanggang terbaik bagi masyarakat dunia menakrif keganasan dan bertindak ke atas masalah itu.

"Sementara kita boleh bersetuju mengenai apa yang dikatakan sebagai tindakan ganas dan siapa yang perlu dikecam sebagai pengganas, adalah penting diadakan satu persetujuan antarabangsa untuk mengecam sesuatu insiden atau perbuatan ganas oleh pengganas,"

"Dengan itu masyarakat dunia boleh bekerjasama dan menyertai sebarang tindakan terhadap penjahat yang terbabit," katanya pada ucap terna di majlis perasmian Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di sini.

Dr Mahathir berkata tidak ada badan selain daripada PBB yang kompeten dan mempunyai kuasa untuk membuat keputusan tersebut dan selepas ia dibuat, seluruh dunia perlulah bekerjasama sepenuhnya dalam memerangi pengganas.

Sesi khas tiga hari yang dihadiri wakil 52 daripada 57 negara anggota OIC itu dianjurkan sebagai usaha dunia Islam menangani keganasan yang begitu mendapat perhatian berikutan serangan di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas dan ekoran situasi yang makin getir di Asia Barat.

Mesyuarat itu dijangka akan menghasilkan Deklarasi Kuala Lumpur yang antara lain akan menentukan takrif keganasan, puncanya dan bentuk tindakan bagi menanganinya.

Dr Mahathir menyifatkan peristiwa 11 Sept itu sebagai "bencana mutlak" bagi umat Islam seluruh dunia dan menghakis teruk imej mereka.

"Sekiranya kita gagal mendorong kemarahan dunia terhadap peristiwa 11 Sept itu kepada kempen sebenar memerangi pengganas tanpa mengira agama yang dianuti mereka, kita akan mendapati perbuatan menghentam Islam akan terus meningkat dan perjuangan kita untuk membantu beratus juta umat Islam yang tertindas akan gagal," katanya.

Berikutan serangan yang dikaitkan dengan Osama bin Laden dan kumpulan Al-Qaeda pimpinannya itu, imej Islam dan penganutnya secara umum telah tercalar dan banyak laporan bahawa masjid dan pusat Islam di merata dunia dicabuli serta umat Islam diganggu.

Dr Mahathir mencadangkan supaya serangan bersenjata atau lain-lain bentuk serangan terhadap orang awam sebagai tindakan ganas dan mereka yang melakukannya dianggap sebagai pengganas.

"Sama ada penyerangnya bertindak sendirian atau atas arahan kerajaan, dan oleh tentera atau bukan, jika yang diserang adalah orang awam, maka penyerangnya mesti dianggap sebagai pengganas," katanya.

Perdana Menteri juga berkata kumpulan atau kerajaan yang menyokong serangan terhadap orang awam mesti dianggap sebagai pengganas tanpa mengambilkira justifikasi serangan atau kemuliaan perjuangan itu.

Bagaimanapun kata Dr Mahathir, jika orang awam menjadi mangsa secara tidak sengaja maka penyerangnya tidak patut dianggap pengganas.

Berdasarkan takrif keganasan ini, serangan 11 Sept, serangan berani mati oleh penduduk Palestin dan kumpulan Tamil Tigers, serangan terhadap orang awam oleh tentera Israel, pembunuhan umat Islam Bosnia dan yang lainnya perlu dianggap sebagai perbuatan ganas dan mereka yang terlibat

dikecam sebagai pengganas, katanya.

"Dan sesiapa yang menyokongnya mesti dianggap sebagai pengganas. Jika sebuah negara terbabit dengan perbuatan ganas, maka kerajaannya mesti dikecam," katanya.

Pada masa yang sama kata Dr Mahathir, sesuatu bangsa atau agama tidak patut dikecam atau menjadi mangsa diskriminasi hanya kerana ada kumpulan yang sebangsa atau seagama terbabit dengan aktiviti keganasan.

Beliau berkata usaha mesti dibuat bagi mencari jalan dan cara mencegah sesuatu kumpulan atau negara daripada melakukan keganasan termasuk dengan mengenalpasti dan menghapuskan punca kemarahan mereka.

"Saya berpendapat tidak ada orang yang mahu meletupkan dirinya untuk suka-suka. Ini perbuatan nekad, tindakan oleh mereka yang tidak nampak jalan mengatasi penderitaan mereka.

"Kita tidak boleh dengan mudah menganggap mereka sebagai orang bodoh yang gemar mengganas," katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat kemarahan yang meluap di kalangan negara Islam yang menjadi mangsa serangan dan sekatan ekonomi hingga menyebabkan berlaku banyak kes kematian kerana kekurangan berbagai sumber.

Katanya, jurang antara yang kaya dan miskin serta yang kuat dan lemah juga boleh mendorong kepada perbuatan ganas.

"Dunia mesti membetulkan ketidakadilan ini dengan lebih serius dan bukannya sekadar bercakap mengenai nilai toleransi dan persefahaman tetapi mengabaikan kesan buruk yang telah berlaku," katanya.

Bagi umat Islam, rungutan mereka berasas seperti masalah Palestin yang bermula lima dekad lalu apabila negara mereka diduduki dan mereka telah ditekan dan dizalimi.

"Kerana mereka melontar batu kepada warga Israel, mereka termasuk kanak-kanak telah ditembak dan dibunuh. Bagi Israel mereka sekadar bertindak balas mempertahankan diri; tapi nyawa menjadi galang ganti kepada perbuatan melontar batu. Mereka percaya dengan bertindak ganas terhadap pengganas, masalah akan selesai," katanya.

Dr Mahathir berkata serangan oleh pengebom berani mati tidak mungkin akan terhenti dengan ancaman kematian atau pembunuhan ketua mereka kerana ketua yang baru mungkin lebih ganas.

Beliau berkata, "Pembunuhan beramai-ramai (Holocaust) Yahudi tidak menewaskan mereka. Arab juga tidak akan tewas jika mereka menjadi mangsa kejadian serupa. Israel perlu sedar dan memilih untuk menghentikan keganasan daripada meningkatkannya.

"Jika Israel enggan, dunia perlu memaksa mereka berbuat demikian. Jika kita serius ingin menamatkan keganasan, maka kita mesti menghentikan Palestin dan Israel daripada saling bunuh-membunuh," katanya.

Dr Mahathir berkata usaha menawan hati dan perasaan pengganas serta penyokong mereka penting bagi mencegah mereka bertindak ganas demi mencapai matlamat.

Beliau menceritakan mengenai pengalaman Malaysia menghadapi ancaman pengganas komunis selama 42 tahun dari 1948 hingga 1990.

Katanya, kerajaan mendapati kebanyakan pengganas terdiri daripada kaum Cina yang merasa tersisih kerana tidak mendapat kerakyatan dan kerajaan telah memberikan mereka hak tersebut selain memberikan tanah dan membuka peluang penyertaan dalam bidang perniagaan dan pemerintahan.

"Dengan menghapuskan rungutan dan punca kemarahan, mereka terpaksa mengakui perjuangan mereka tidak lagi bermakna. Akhirnya mereka meletak senjata dan kini rakyat Malaysia yang berketurunan Cina hidup aman damai dan taat kepada negara," tambahnya.

-- BERNAMA

MAM ZS AAM MOZ